



POLIS DIRAJA MALAYSIA

REPOT POLIS

SALINAN DIAKUI SAJU

Balai : MACHANG
Daerah : MACHANG
Kontinjen : KELANTAN
No. Repot : MACHANG/005829/22
Tarikh : 11/12/2022
Waktu : 1501 PM
Bahasa Diterima : B. Malaysia

KETUA PEJABAT PERTANYAAN
BALAI POLIS MACHANG
BP KELANTAN

Butir-butir Penerima Repot :

Nama : ANGUT ANAK KURAN No. Badan : [REDACTED] Pangkat : KPL

Butir-butir Jurubahasa (Jika Ada) :

Nama : -- No. K/P (Baru) : -- No. Polis/Tentera : --

No. Pasport : -- Bahasa Asal : --

Alamat : --

Butir-butir Pengadu :

Nama : AHMAD FIRDAUS BIN NAWI

No. K/P (Baru) : [REDACTED] No. Polis/Tentera : -- No. Pasport : --

No. Sijil Beranak : -- Jantina : Lelaki Tarikh Lahir : [REDACTED]

Umur : 34 Tahun 8 Bulan Keturunan : Melayu Warganegara : Malaysia

Pekerjaan : KONTRAKTOR

Alamat Tinggal : [REDACTED]

Alamat IbuBapa : --

Alamat Pejabat : --

No. Tel (Rumah) : -- No. Tel (Pejabat) : -- No. Tel (Bimbit) : [REDACTED]

Emel : [REDACTED]

Pengadu Menyatakan :

SAYA AHMAD FIRDAUS BIN NAWI KPT. [REDACTED] ADALAH KETUA ARMADA BERSATU BAHAGIAN MACHANG. LAPORAN SEPERTI DI LAMPIRAN DI ATAS KERTAS PUTIH YANG DITANDATANGAN.

Tandatangan Pengadu:

Tandatangan Jurubahasa(Jika ada):

Tandatangan Penenerima Repot:

Salinan Repot Pertama

1. Saya membuat laporan ini berkenaan dengan fitnah dan tohmahan terhadap Tan Sri Dato' Haji Mahiaddin bin Haji Md Yasin ("TSMY")/ Perikatan Nasional ("PN") yang dibuat oleh Mohd Sany Hamzan ("MSH") (ahli Parti Amanah Negara dan ahli Parlimen Hulu Langat), Hizatul Isham bin Abdul Jalil ("HIAJ") (Ketua Penerangan parti UMNO), parti UMNO, Dato' Seri Anwar Ibrahim ("DSAI") PM10 dari PH dan orang-orang suruhan mereka.
2. Sejak kerajaan gabungan Pakatan Harapan ("PH") terbentuk dengan komplot UMNO/Barisan Nasional ("BN"), pelbagai tohmahan palsu dan fitnah jahat telah disebarluaskan untuk tujuan politik demi menimbulkan kebencian dan kemarahan orang awam dan menyemarakkan keresahan rakyat terhadap TSMY/PN. Kerajaan gabungan ini sengaja mengelirukan rakyat dengan panggilan Kerajaan Perpaduan yang semua tahu adalah istilah palsu.
3. Terkini, laporan palsu telah dibuat oleh pihak-pihak tersebut kepada PDRM dan SPRM supaya dipetik dan dilaporkan oleh media massa seolah-olah tindakan siasatan dan penguatkuasaan telah diambil terhadap TSMY/PN yang menunjukkan TSMY telah melakukan kesalahan seperti berikut:
 - 3.1 Pada 30.11.2022, MSH telah membuat laporan polis palsu di IPD Dang Wangi dan membuat tohmahan palsu dan fitnah jahat untuk dipetik dan dilaporkan oleh media massa bahawa TSMY telah menyelewengkan peruntukan RM600 bilion. Jumlah RM600 bilion tidak wujud, adalah palsu dan direka untuk membangkitkan keresahan dan kebencian rakyat terhadap TSMY.
 - 3.2 Konspirasi jahat ini dilanjutkan oleh PM10, DSMI, apabila beliau menyalahgunakan kuasa sebaik memulakan tugas sebagai Menteri Kewangan dengan mengeluarkan kenyataan bahawa khidmat Ketua Setiausaha Perbendaharaan ("KSP") Datuk Seri Asri bin Hamidin @ Hamidon telah digantung seolah-olah KSP terbabit dalam perlakuan salah. Tindakan DSMI itu adalah satu penyalahgunaan kuasa eksekutif mengugut dan menekan pegawai kerajaan untuk tujuan politik semata-mata. Hal ini jelas dengan cara mereka yang melepaskan cerita palsu kepada media massa sedangkan tiada satupun siasatan dibuat bagi menunjukkan sebarang kesalahan. Tindakan seperti ini adalah pencabulan perlembagaan dan merosakkan kepentingan negara. Penggantungan KSP juga bertentangan dengan proses keadilan tadbir urus pegawai-pegawai perkhidmatan awam.
 - 3.3 Pada 3.12.2022, HIAJ melanjutkan konspirasi tersebut dengan membuat tohmahan palsu dan fitnah jahat di Pusat Daerah Mengundi (PDM) Pianggu, Dewan Undangan Negeri (DUN) Tioman dan disiarkan langsung di Facebooknya seperti berikut:
 - a) "Kelmarin ada laporan polis dibuat mengenai RM600 bilion itu dan saya rasa perkara ini perlu diteruskan, sebab RM600 bilion ini satu jumlah yang besar.";
 - b) "Bajet Persekutuan pun RM300 bilion (setahun) jadi bersamaan dua tahun bajet Persekutuan... bila kita nak tanya pasal benda ini ketika PKP itu tak boleh (sebab) Parlimen ditutup dan dia (Muhyiddin) buat (isythar) darurat.";
 - c) "Jadi, kali ini kita nak tanyalah mana dana ini pergi terutama bila kita nampak 'time' Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) itu hari, perbelanjaan PN (Perikatan Nasional) untuk pilihan raya mewah betul tiada tin 'milo', jadi kita nak tahu juga mana dia dapat duit,"

SALINAN DIAKUI SAH

KETUA PEJABAT PERTANYAAN
BALAI POLIS MACHANG
KELANTAN

- 3.4 Parti UMNO juga telah menyiaran tohmahan palsu dan fitnah jahat dalam laman web UMNO dalam pautan-pautan berikut:
- a) UMNO Online, Skandal RM600 Bilion: Kalau PN Muah Bukti Mereka Bersih, Bersedialah Untuk Didakwa – Isham Jalil, <<https://umno-online.my/2022/12/03/skandal-rm600-bilion-kalau-pn-mahu-buktikan-mereka-bersih-bersedialah-untuk-didakwa-isham-jalil/>>, 3.12.2022 @ 8.45 malam;
 - b) UMNO Online, Persoalan Berkaitan Muhyiddin Dan RM600 Bilion, <<https://umno-online.my/2022/12/05/persoalan-berkaitan-muhyiddin-dan-rm600-billion/>>, 5.12.2022 @ 12.59 petang.
- 3.5 Pada 6.12.2022, DSAI telah menyalahgunakan kedudukannya sebagai PM10 dan Menteri Kewangan untuk membuat ugutan jenayah/politik terhadap TSMY/PN seperti berikut:
- a) "Jadi saya nak berikan peringatan kepada Tan Sri Muhyiddin Yassin.. Jangan cabar kerana memang ternyata ada proses dan prosedur yang tidak dipatuhi selain ada beberapa syankat berkepentingan atau berkait dengan keluarga yang terlibat.";
 - b) "RM600 bilion itu peruntukan sepenuhnya tetapi kita akan teliti di mana ada pelanggaran peraturan dan ketirisan.";
 - c) "Saya nak nasihatkan Takiyuddin jangan gopoh kerana saya di Kementerian Kewangan. Fail ada pada saya.".
4. Pembohongan, fitnah dan tohmahan palsu dan jahat pihak-pihak berkenaan telah disiarkan dalam video YouTube dan Facebook dan dilaporkan dalam media massa, pautannya seperti dalam senarai di **Lampiran A**.
5. Angka RM600 bilion adalah palsu dan rekaan. Fakta sebenar adalah seperti berikut:
- 5.1 Kerajaan Persekutuan telah membuat peruntukan bajet berikut:
- a) Bajet 2020: RM297 bilion (ditingkatkan ke RM314.7 bilion);
 - b) Bajet 2021: RM322.5 bilion;
 - c) Bajet 2022: RM332.1 bilion.
- 5.2 Semasa TSMY menjadi PM8, Kementerian Kewangan telah mengumumkan 8 Paket Rangsangan Ekonomi berjumlah RM530 bilion untuk menangani pandemik Covid-19 yang melanda negara. Ini telah menyelamatkan jutaan perkerjaan dan menjaga kebajikan masyarakat Malaysia semasa pandemik Covid-19 tanpa mengira bangsa, kaum dan agama. Ini telah mensejahterakan negara sedangkan seluruh dunia mengalami kegawatan ekonomi.
- 5.3 Sebahagian besar dari jumlah RM530 bilion tersebut adalah berbentuk non-fiskal, iaitu tidak melibatkan perbelanjaan kerajaan dalam bentuk:
- a) Pengeluaran KWSP i-Lestari, i-Sinar, i-Citra bernilai RM145 bilion;

SALINAN DIAKUI SAH
RETUA PEJELAT PERTANYAAN
BALAI POLIS MACHANG
KELANTAN

- b) Pengurangan pembayaran KWSP bermilai RM10 bilion;
 - c) Moratorium bayaran pinjaman bank untuk individu dan syarikat bermilai RM180 bilion;
 - d) Jaminan kerajaan untuk pinjaman syarikat bermilai RM80 bilion, dan
 - e) Inisiatif-inisiatif lain yang bertujuan untuk meringankan beban yang ditanggung oleh individu dan perniagaan.
- 5.4 Semua ini tidak melibatkan perbelanjaan kerajaan. Maka adalah mustahil dan satu pembohongan besar mereka cerita penyelewengan sedangkan sebahagian besar pakej rangsangan itu berbentuk non-fiskal, iaitu, tiada wang tunai yang terbabit.
- 5.5 Menurut kenyataan Menteri Kewangan pada 29.6.2021, perbelanjaan wang kerajaan dalam bentuk suntikan fiskal pula bermilai RM83 bilion. Ini termasuk:
- a) Pelbagai bentuk bantuan langsung tunai untuk rakyat seperti subsidi upah bermilai RM20.92 bilion;
 - b) Bantuan Prihatin Nasional bermilai RM18.2 bilion;
 - c) Geran Khas Prihatin bermilai RM4.21 bilion;
 - d) Geran Khas Prihatin Permai bermilai RM842 juta,
 - e) Skim Pembiayaan Mudah Bumiputera bermilai RM500 juta; dan
 - f) Bantuan-bantuan lain yang dimasukkan terus ke akaun penerima yang layak.
- Pautan: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2021/06/833560/suntikan-fiskal-rm83-bilion-biayai-lapan-pakej-rangsangan>,
- 5.6 Pecahan butiran peruntukan RM530 bilion tersebut juga telah dibentangkan dalam tinjauan ekonomi Bajet 2022. Kalau wang sebesar RM500 bilion atau RM600 bilion masuk ke akaun peribadi seseorang, sudah tentu ia akan diketahui melalui penemuan audit Jabatan Audit Negara (JAN) dan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) sudah tentu membentangkan laporan mengenainya di Parlimen. Bank Negara Malaysia juga sudah tentu akan mendapat notifikasi tentang pergerakan jumlah wang yang besar dan siasatan sudah pasti akan telah dimulakan. Maka, jelaslah bahawa DSAI dan penyokongnya menyalahgunakan maklumat kerajaan untuk tujuan konspirasi politik membangkitkan keresahan rakyat.
6. Malah, pada 6.12.2022 DSAI kini mengakui kepalsuan cerita tentang RM600 bilion apabila mengatakan: "Sejumlah besar sebenarnya wang KWSP, wang rakyat sendiri. Itu saya ada ulas dua tahun lalu, di Parlimen. Jadi, seolah-olah satu usaha mengelirukan. Kerana wang itu wang KWSP dan juga wang bank melalui peraturan moratorium."
7. Namun untuk menegakkan benang basah, DSAI masih menyalahgunakan kuasa dengan memangsakan KSP yang hanya merupakan seorang pegawai kerajaan dan kuasa kerajaan digunakan supaya SPRM dan PDRM terus menyiasat TSMY/PN dan semua musuh politik PH/BN/UMNO untuk memaksa pegawai-pegawai kerajaan untuk tunduk dan akur kepada mainan politik mereka.

SALINAN DIATU SAH
KETUA PEJABAT PERTANYAAN
BALAI POLIS MACHANG
KELANTAN

8. Hakikatnya ialah kecurian wang rakyat melalui skandal 1MDB adalah dilakukan oleh PM6 dari BN/UMNO yang telah pun dipenjarakan. TSMY yang berjuang menentang skandal 1MDB telah dipecat sebagai Timbalan PM dan dipecat sebagai Timbalan Presiden parti UMNO sehingga tertubuhnya parti BERSATU. Namun, apabila PH/DSAI berkomplot dengan Dato' Seri Zahid Hamidi/BN untuk menubuhkan kerajaan gabungan yang telah menipu rakyat, hal-hal penyelewengan dan rasuah UMNO/BN dibenamkan dan sebaliknya naratif palsu penyelewengan cuba dikenakan terhadap TSMY/PN.
9. Saya sesungguhnya percaya bahawa MSH, HIAJ, UMNO dan DSAl kini menyalahgunakan kuasa dalam kerajaan untuk menutupi kesalahan dan perbuatan jenayah pemimpin-pemimpin kerajaan dari gabungan parti-parti PH/BN supaya pihak pembangkang dari gabungan PN dapat ditekan dan disenyapkan.
10. Saya percaya mereka telah melakukan kesalahan-kesalahan beikut:
- Penjawat awam menyembunyikan rancangan kesalahan di bawah s. 119 dan 120 Kanun Keseksaan;
 - Pakatjahat jenayah di bawah s. 120A dan 120B Kanun Keseksaan;
 - Memberi maklumat palsu dengan niat mendatangkan bencana kepada seseorang lain di bawah s. 182 Kanun Keseksaan;
 - Mereka keterangan palsu di bawah s. 192 Kanun Keseksaan;
 - Memberi atau mereka keterangan palsu dengan niat mendapat sabitan di bawah s. 195 Kanun Keseksaan;
 - Menggunakan keterangan yang diketahui sebagai palsu di bawah s. 196 Kanun Keseksaan;
 - Membuat pertuduhan palsu atas kesalahan dengan niat hendak membencana di bawah s. 211 Kanun Keseksaan;
 - Memfitnah di bawah s. 499 dan s. 500 Kanun Keseksaan;
 - Menakutkan secara jenayah di bawah s. 503 Kanun Keseksaan;
 - Mengaibkan dengan niat membangkitkan pecah keamanan di bawah s. 504 Kanun Keseksaan;
 - Membuat kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam di bawah s. 505 Akta 574;
 - Menyalahgunakan kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian di bawah s. 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998;
11. Saya membuat laporan ini untuk mengekang perbuatan jenayah dan salahguna kuasa oleh pemimpin kerajaan sekarang supaya skandal 1MDB tidak berulang dan memohon pihak polis menyiasat perkara ini dan mendakwa pihak-pihak terbabit yang bersalah demi menjamin keamanan dan keselamatan negara.

SALINAN DIBERIKAN
KEPUASAAN
BALAI POLIS MACHANG
KELANTAN

AHMAD FIRDAUS NAWAWI